

13/08/2004

Idola harus beri khidmat masyarakat

By Sobri Sudin

HAKIKAT menunjukkan Siti Nurhaliza antara sekelumit artis Melayu bergelar jutawan, pemenang paling banyak anugerah sehingga dicatatkan dalam Malaysia Guinness Books of Records. Dia cukup dihargai dan diminati sama ada oleh kelompok Melayu mahupun bukan Melayu.

Demikian juga bangsa Melayu tidak kurang tokoh pemikir seperti Profesor Diraja Ungku Aziz, Tun Dr Mahathir Mohamad, barisan penulis prolific seperti Johan Jaafar (sekadar menyebut beberapa nama).

Demikian juga tokoh bidang keusahawanan seperti Tan Sri Salleh Sulong, Datuk Salleh Majid (bekas Pengerusi BSKL), dalam bidang agama ketegasan Datuk Seri Harussani Zakaria dan idea bernas Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Ismail Ibrahim cukup dihormati, walaupun ijtihad mereka diremehkan segelintir umat Islam sendiri, selain ratusan, malah ribuan profesional yang berkecimpung dalam pelbagai bidang.

Kebanyakan idola Melayu itu sama ada mencipta kejayaan dan memberi buah fikiran bagi tujuan pembangunan bangsa tidaklah dapat disangkalkan lagi. Apakah salahnya jika dengan pendapatan ratusan ribu ringgit, malah jutaan menerusi pemilihannya sebagai duta pelbagai barang selain konsert yang mendapat sambutan hangat di kalangan masyarakat, Siti Nurhaliza dengan sukarela dan biaya sendiri menubuhkan sebuah akademi nyanyian bagi melatih penyanyi baru yang bukan saja bakal meneruskan kegemilangannya, malah pada masa sama mampu menjadi contoh terbaik akan kehidupan sebagai seorang artis.

Demikian juga tokoh korporat Melayu yang berjaya, pemilik konglomerat seperti Tan Sri Azman Hashim, menawarkan diri tanpa perlu dilantik ke jawatan Profesor Adjung di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), memberi syarahan atau kuliah umum kepada pelajar mungkin sekali sebulan.

Sumbangan bakti sama juga boleh dilakukan oleh tokoh kewangan dan perniagaan yang lain, agar pelajar tidak semata-mata disumbatkan dengan asas teori dari mahaguru di IPTA yang kebanyakannya hanya bersandar kepada pembacaan dan hasil tinjauan semata-mata.

Bagi kalangan penyelidik, profesor, pensyarah yang aktif menghasilkan penyelidikan ia seharusnya dibentangkan bagi tatapan umum. Rakyat dan masyarakat sebenarnya cukup dahaga untuk mengetahui apa yang barisan ilmuwan Melayu hasilkan.

Bukankah menyampaikan ilmu itu satu sedekah dan akan menambahkan lagi keberkatan ilmu berkenaan selain dapat dikongsi oleh orang lain. Prinsip syarahan umum ini bagi negeri yang cuti umumnya jatuh pada Jumaat boleh diadakan di masjid selepas selesai solat Jumaat.

Di negeri lain mungkin pada Ahad. Ini sekali gus mampu merapatkan silaturahmi, menggalakkan pemikiran kreatif, mendedahkan khalayak kepada idola mereka, malah mampu menjadikan idola itu sebagai perangsang bagi kanak-kanak mencapai kejayaan. Secara tidak langsung mampu menyemarakkan budaya ilmu di kalangan bangsa kita.

Tokoh agama juga boleh berperanan secara lebih jauh, mungkin mengisi slot syarahan sebelum sesuatu majlis politik dimulakan. Majlis rasmi seboleh-bolehnya harus dipelbagaikan dengan tidaklah lagi kedengaran ucapan berbau politik atau diutamakan ahli politik semata-mata.

Sebabnya dimensi kejayaan bangsa Melayu sudah cukup meluas dan dengan cara penyertaan golongan Melayu yang berjaya dalam pelbagai bidang ini, maruah, perasaan bangga dan kesedaran di kalangan bangsa Melayu untuk mengikut jejak tokoh yang berjaya itu dapat diperkembangkan.

Saya kira jika usaha bersifat `khidmat kemasyarakatan' dan bersifat sedekah ini dikembangluaskan oleh idola Melayu sebegini, mampu bukan saja menarik perhatian bangsa Melayu lain daripada hanya melihat kalangan artis atau tokoh politik saja sebagai idola mereka, malah mampu merangsang pemikiran, idea baru dan semangat kebersamaan ke arah kemajuan bangsa secara yang lebih menyeluruh.

SOBRI SUDIN,  
Alor Star, Kedah.

(END)